



MEMORANDUM

Kepada : Tarikh : 28 Disember 2006
Puan Hajah Salmiah Che Puteh Rujukan : USM.17/BEND(o)TP/(1/2007)
Timbalan Bendahari
Bahagian Perancangan & Perkhidmatan Kewangan
Jabatan Bendahari

Tn. Hj. Zulkifli Mohamad
Timbalan Bendahari
Jabatan Bendahari
Kampus Kesihatan

En. Mohammad Abdullah
Ketua Penolong Bendahari
Seksyen Bayaran
Jabatan Bendahari

En. Ismail Jamaluddin
Ketua Penolong Bendahari
Jabatan Bendahari
Kampus Kejuruteraan



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

GARISPANDUAN PERAKAUNAN UNIVERSITI
TATACARA PERAKAUNAN BILANGAN 1 TAHUN 2007
-Mempermodalkan Kerja-kerja Pengubahsuaian Dan Naik Taraf Bangunan Dan Infrastruktur
Universiti

Adalah saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita bersama ini disertakan Tatacara Perakaunan Bilangan 1 Tahun 2007 :
Mempermodalkan Kerja-kerja Pengubahsuaian Dan Naik Taraf Bangunan Dan Infrastruktur
Universiti untuk makluman dan tindakan selanjutnya.

3. Garis panduan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2007.

4. Kerjasama tuan/puan dalam perkara di atas didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, والسلام

(ROHAYATI MOHD. ISA)
Timbalan Bendahari
Seksyen Akaun, Sistem & Pengurusan Data
Jabatan Bendahari

s.k Bendahari
 Universiti Sains Malaysia



JABATAN BENDAHARI

BURSARY

11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia
 Tel: 604-653 3888 ext:3480/4064/4283/4182/4286; Fax: 604-659 0927; Website: www.usm.my



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

GARISPANDUAN PERAKAUNAN UNIVERSITI

TATACARA PERAKAUNAN BILANGAN 1 TAHUN 2007

MEMPERMODALKAN KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN DAN NAIK TARAF BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR UNIVERSITI

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kriteria-kriteria yang diperlukan untuk membolehkan sesuatu perolehan kerja-kerja pengubahsuaian dan naik taraf bangunan dan infrastruktur Universiti dipermodalkan sebagai aset tetap. Garis panduan ini tidak dipakai untuk perakaunan kerja-kerja pembinaan bangunan atau infrastruktur baru.

TAKRIFAN

2. Dalam Garis panduan ini, melainkan maksudnya memerlukan demikian, maksud perkataan-perkataan berikut ialah:

"Kos Projek"	Bermaksud jumlah anggaran kos untuk sesuatu projek yang telah diluluskan oleh pihak pengurusan universiti.
"Projek"	Bermaksud kerja-kerja ubahsuaian/naik taraf yang akan dijalankan kepada sesuatu aset sedia ada.
"Nilai perolehan kerja"	Bermaksud nilai harga yang disetujuterima oleh pihak universiti melalui tender/sebut-harga/borang pesanan
"Aset seida ada"	Bermaksud bangunan, kemudahan atau infrastruktur yang telah siap dibangunkan dan sedang digunakan oleh pihak universiti dan telah dipermodalkan sebagai aset tetap dalam buku akaun universiti.

LATAR BELAKANG

3. Prinsip perakaunan biasanya menganggap perbelanjaan ubahsuaian atau naik taraf kepada sesuatu aset tetap boleh dipermodalkan hanya dalam keadaan di mana perbelanjaan itu akan menambah nilai aset berkenaan, iaitu, meningkatkan manfaat yang akan dapat diperolehi dari kegunaan aset tersebut.

Contoh peningkatan nilai ini termasuklah:

- Memanjangkan usia penggunaan aset berkenaan;
- Meningkatkan keupayaan dan kecekapan aset;
- Meningkatkan kualiti produk atau perkhidmatan; dan
- Mengurangkan kos operasi.

Untuk kemudahan pelaksanaan dan pentadbiran, polisi yang diamalkan pada masa kini oleh Universiti dalam mempermodalkan kerja-kerja pengubahsuaian dan naik taraf bangunan dan infrastruktur adalah menggunakan kriteria jumlah kos terlibat dengan andaian bahawa kerja-kerja pengubahsuaian atau naik taraf yang melebihi batas kos tertentu biasanya akan menambah nilai kepada aset berkenaan. Garis panduan ini akan memperincikan kriteria untuk mempermodalkan kerja-kerja pengubahsuaian dan naik taraf bangunan dan infrastruktur Universiti

KRITERIA MEMPERMODALKAN KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN DAN NAIK TARAF BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR UNIVERSITI

4. Situasi dan kriteria untuk mempermodalkan kerja-kerja pengubahsuaian dan naik taraf bangunan dan infrastruktur Universiti adalah seperti berikut:

4.1. Peruntukan disediakan SPESIFIK untuk kerja-kerja ubahsuaian/naik taraf aset sedia ada

Oleh sebab peruntukan yang disediakan adalah spesifik kepada sesuatu projek tertentu, maka kriteria yang boleh digunakan untuk menentukan samada kos kerja-kerja ubahsuaian atau naik taraf itu perlu dipermodalkan adalah jumlah **KOS PROJEK** ubahsuaian tersebut. **Contoh: Ubahsuaian kepada Bangunan Canselori.**

4.1.1. Kos projek diluluskan bersamaan atau lebih daripada RM300,000.00.

Nilai kos keseluruhan projek termasuk:

- Nilai perolehan kerja-kerja daripada satu kontrak kerja yang disetujuterima dari satu tender yang dipelawa; atau
- Nilai perolehan kerja-kerja daripada beberapa kontrak kerja yang disetujuterima dari beberapa tender/sebutharga yang dipelawa;
- Perubahan kepada nilai perolehan kerja (variation orders) jika ada;
- Borang-borang pesanan atau indent yang tidak termasuk di dalam kontrak kerja atau kontrak-kontrak kerja yang disetujuterima

Nilai kos keseluruhan projek **DIPERMODALKAN.**

4.1.2. Kos Projek diluluskan kurang daripada RM300,000.00.

Nilai kos keseluruhan projek (termasuk perubahan kepada nilai perolehan jika ada) berserta pesanan belian (PO) **TIDAK DIPERMODALKAN.**

4.2. Peruntukan disediakan TIDAK SPESIFIK untuk kerja-kerja ubahsuaian/naiktaraf aset sedia ada

Satu peruntukan umum disediakan untuk semua kerja-kerja ubahsuaian/naik taraf yang akan dijalankan ke atas aset sedia ada (contoh bangunan dan kemudahan) yang belum dapat ditentukan dan dikenakan semasa peruntukan diluluskan. Peruntukan ini juga akan membiayai kerja-kerja ubahsuaian/naik taraf, samada besar atau kecil, ke atas beberapa aset sedia ada dan bukan khusus untuk sesuatu aset sedia ada yang tertentu.

Dalam keadaan seperti ini, untuk tujuan mengemaskini buku akaun universiti, adalah dianggap nilai perolehan kerja untuk sesuatu kontrak kerja ubahsuaian/naik taraf sebagai kos projek untuk kerja ubahsuaian/naik taraf yang akan dijalankan. Dengan itu, nilai perolehan kerja akan menjadi kriteria untuk menentukan samada sesuatu kerja ubahsuaian/naik taraf akan dipermodalkan atau tidak.

4.2.1. Nilai perolehan kerja bersamaan atau lebih daripada RM300,000.00 dan tiada perubahan ke atas nilai perolehan tersebut.

Kriteria yang perlu disemak:

1. Nilai perolehan bersamaan atau lebih daripada RM300,000.00;
2. Tiada perubahan kepada nilai perolehan pada akhir projek; dan

3. Samada terdapat pesanan belian (PO) yang tidak termasuk di dalam kos asal perolehan projek.

Keputusan untuk mempermodalkan:

Nilai kos keseluruhan projek berserta pesanan belian (PO)
DIPERMODALKAN

- 4.2.2.** Nilai perolehan kerja bersamaan atau lebih daripada RM300,000.00 dan berlaku perubahan ke atas nilai perolehan tetapi nilai perolehan akhir masih bersamaan atau lebih daripada RM300,000.

Kriteria yang perlu disemak

1. Nilai perolehan bersamaan atau lebih daripada RM300,000.00;
2. Berlaku perubahan pada nilai perolehan projek pada akhir projek; dan
3. Samada terdapat pesanan belian (PO) yang tidak termasuk di dalam kos asal perolehan projek.

Keputusan untuk mempermodalkan:

Nilai kos keseluruhan projek selepas perubahan berserta pesanan belian (PO) **DIPERMODALKAN**.

- 4.3.** Nilai perolehan kerja bersamaan atau lebih daripada RM300,000.00 dan berlaku perubahan ke atas nilai perolehan menyebabkan nilai perolehan akhir kurang daripada RM300,000.00.

Kriteria yang perlu disemak

1. Nilai perolehan bersamaan atau lebih daripada RM300,000.00;
2. Berlaku perubahan kepada nilai perolehan projek; dan

3. Samada terdapat pesanan belian (PO) yang tidak termasuk di dalam kos asal perolehan projek.

Keputusan untuk mempermodalkan:

Nilai kos keseluruhan projek selepas perubahan berserta pesanan belian (PO) **DIPERMODALKAN**.

- 4.4. Nilai perolehan kerja kurang daripada RM300,000.00 dan berlaku perubahan ke atas nilai perolehan menyebabkan nilai perolehan akhir melebihi RM300,000.00.

Kriteria yang perlu disemak

1. Nilai perolehan kurang daripada RM300,000.00.
2. Berlaku perubahan kepada nilai perolehan projek; dan.
3. Samada terdapat pesanan belian (PO) yang tidak termasuk di dalam kos asal perolehan projek.

Keputusan untuk mempermodalkan:

Nilai kos keseluruhan projek selepas perubahan berserta pesanan belian (PO) **TIDAK DIPERMODALKAN**.

- 4.5. Nilai perolehan kerja kurang daripada RM300,000.00 dan berlaku perubahan ke atas nilai perolehan menyebabkan nilai perolehan akhir tidak berubah.

Kriteria yang perlu disemak

1. Nilai perolehan kurang daripada RM300,000.00;
2. Berlaku perubahan kepada nilai perolehan projek; dan.
3. Samada terdapat pesanan belian (PO) yang tidak termasuk di dalam kos asal perolehan projek.

**SITUASI DAN KRITERIA UNTUK MEMPERMODALKAN KERJA-KERJA UBAHSAJIAN,
NAIK TARAF BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR UNIVERSITI**

Situasi 1: Peruntukan disediakan SPESIFIK untuk kerja-kerja ubahsuaian/naiktaraf aset sedia ada dan infrastruktur Universiti

Bil	Situasi	Kriteria Semakan			Keputusan
		Nilai perolehan kerja daripada satu atau lebih kontrak kerja yang disetujuterima daripada satu atau lebih tender atau sebutharga (a)	Perubahan kepada nilai perolehan kerja (Variation Order); jika ada (b)	Borang pesanan atau Inden yang tidak termasuk di dalam kontrak kerja; jika ada (c)	
1.	Kos projek diluluskan bersamaan atau lebih daripada RM300,000	√	√	√	Nilai kos keseluruhan projek DIPERMODALKAN
2.	Kos projek dilluluskan kurang daripada RM300,000	√	√	√	Nilai kos keseluruhan projek TIDAK DIPERMODALKAN

NOTA: Tanda (√) bermaksud memenuhi kriteria semakan
Nilai kos keseluruhan projek = (a + b + c)

Situasi 2: Peruntukan disediakan TIDAK SPESIFIK untuk kerja-kerja ubahsualan/naiktaraf aset sedia ada dan infrastruktur Universiti

Bil	Situasi	Kriteria Semakan			Keputusan
		Nilai perolehan daripada kontrak kerja yang disetujui/terima (a)	Perubahan kepada nilai perolehan kerja (Variation Order); jika ada (b)	Borang pesanan atau Inden yang tidak termasuk di dalam kontrak kerja; jika ada (c)	
1.	I	\geq RM300,000	TIADA	✓	Nilai kos keseluruhan projek DIPERMODALKAN
2.	II	\geq RM300,000	ADA	✓	Nilai kos keseluruhan projek DIPERMODALKAN
3.	III	$<$ RM300,000	ADA	✓	Nilai kos keseluruhan projek TIDAK DIPERMODALKAN
4.	IV	$<$ RM300,000	TIADA	✓	Nilai kos keseluruhan projek TIDAK DIPERMODALKAN

**NOTA: Tanda (✓) bermaksud memenuhi kriteria semakan
Nilai kos keseluruhan projek = (a + b + c)**